

15 JUL 1999

AGONG HADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA KE-184

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini berangkat menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-184 yang berlangsung di Istana Negara di sini.

Seri Paduka diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat dua hari itu yang bermula semalam dan dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar.

Kesemua raja hadir kecuali Sultan Johor yang diwakili Tengku Mahkota Tengku Ibrahim Ismail dan Sultan Perak yang diwakili Pemangku Sultan Perak Raja Nazrin Shah. Selangor diwakili Pemangku Sultan Selangor Tengku Idris Shah.

Yang Dipertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak juga hadir.

Sultan atau wakil dan Yang Dipertua Negeri diiringi oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.

Kenyataan daripada pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja petang ini menyebut mesyuarat itu membincangkan perkara-perkara berkenaan dasar negara, pelantikan dan agama.

-- BERNAMA

NM PR